



اورتوریتی کے بھسائن کسلامتن  
کھیپین دان عالم سکیتز  
Safety, Health and Environment  
National Authority

**MAJLIS PENANDATANGANAN SKIM PERANTISAN  
AUTORITI KEBANGSAAN KESELAMATAN, KESIHATAN  
DAN ALAM SEKITAR (SHENA)**

SELASA, 17 OKTOBER 2023M / 06 RABIULAKHIR 1444H

Ucapan alu-aluan

**YANG MULIA TUAN HAJI JUNIT BIN HAJI ZAKARIA**

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Interim,  
Autoriti Kebangsaan Keselamatan dan Alam Sekitar (SHENA)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut baginda yang jujur dan setia sehingga ke akhir zaman.

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu,  
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri  
Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Kebangsaan Keselamatan,  
Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) selaku Tetamu Kehormat Majlis

Yang Mulia Dr Hajah Siti Haziah  
binti Pehin Orang kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin,  
Ketua Sekretariat Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC),  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia  
Haji Mohd Azmi Bin Haji Mohd Hanifah  
Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Komersial BSP  
Dan Ahli Lembaga Pengarah SHENA

Yang Mulia Pihak Pengurusan Kanan, SHENA,  
Pihak Industri dan badan-badan berkanun  
Pegawai-Pegawai dan kakitangan SHENA,



Para Perantis,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita semua dapat bersama-sama hadir ke Majlis Penandatanganan Skim Perantisan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar atau SHENA.

Terlebih dahulu, Saya selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Interim Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada yang Yang Mulia Dato dan hadirin sekalian di atas kesudian hadir di petang yang mulia ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada JobCentre Brunei di bawah Sekretariat Tetap Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) diatas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam merealisasikan skim perantisan ini.

Yang Mulia Dato dan para hadirin sekalian,

1. Skim Perantisan SHENA ini adalah sebuah program yang dijalankan selama 24 bulan. Skim ini merupakan sebagai sambungan daripada program iReady yang dikendalikan oleh JobCentre Brunei. Tujuan skim ini adalah untuk menyediakan “*skill pool*” yang diperlukan oleh industri di Negara Brunei Darussalam. Skim Perantis ini merupakan salah satu platform bagi menyediakan dan melengkapkan perantis dengan pengalaman kerja yang berkaitan dan mempunyai kemahiran praktikal, dan seterusnya untuk memberi laluan bagi memenuhi syarat sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, atau WSH Officer, yang berdaftar.
2. SHENA meraikan peristiwa yang penting dimana, setahun yang lalu, SHENA mengalu-alukan pengambilan pertama sebanyak sepuluh perantis ke SHENA di bawah skim ini. Pada hari ini, kita berkumpul sekali lagi, bukan sahaja untuk meneruskan perjalanan itu, tetapi untuk meluaskan dan memperkukuhkan lagi komitmen SHENA untuk memupuk generasi peneraju industri seterusnya.
3. Majlis Penandatanganan Skim Perantisan ini adalah satu langkah yang penting dalam membangunkan impak yang positif untuk terus memperkukuhkan dan meningkatkan budaya keselamatan dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam, dan juga meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan secara keseluruhan di peringkat nasional.



اتوریٹی کے بھسائن کسلامن  
کھیجین دان عالم سکیتز  
Safety, Health and Environment  
National Authority

4. Perhimpunan kita pada hari ini juga sangat bermakna bagi kita semua kerana kita berganding bahu dalam mengeluarkan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan berkemahiran serta ke arah industri *work and future-ready*.
5. Kejayaan Skim Perantis SHENA ini bukan sahaja bergantung pada peluang yang diberikan kepada bakat muda tetapi juga pada semangat kerjasama yang menyokongnya. Perkongsian bersama Pengendali menunjukkan kuasa kerjasama yang positif dan mewujudkan laluan untuk perantis-perantis ini memperoleh pengalaman praktikal dan kemahiran khusus industri yang tidak ternilai.
6. Dalam kesempatan ini, Saya ingin menyeru kepada semua perantis yang berjaya terpilih dalam Skim Perantisan SHENA ini untuk mengambil peluang dan langkah-langkah proaktif bagi membuat perubahan dalam mencapai matlamat Negara Brunei Darussalam sebagai tempat bekerja dan hidup yang selamat.
7. Kepada Pengendali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan terhadap program ini. Komitmen anda dalam memberi bimbingan dan persediaan persekitaran untuk perantis ini adalah penting untuk perkembangan mereka. Bersama-sama, kita bukan sahaja melatih profesional masa depan tetapi juga membentuk masa depan industri negara.
8. Bagi mengakhiri ucapan, Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mendoakan selamat maju jaya kepada semua perantis yang berjaya, yang mana akan meneruskan usaha mereka melalui pendedahan, latihan dan tugas bersama pengendali-pengendali industri itu nanti. Semoga skim seperti ini akan berterusan di masa yang akan datang.

Sekian

Wabillahitaufiq Wal-Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**TAMAT**